

<b>Headline</b>	Perlu lebih kreatif, inovatif		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Sarawak		
<b>Date</b>	25 Nov 2011	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	EKONOMI	<b>Circulation</b>	37,981
<b>Page No</b>	e1	<b>Readership</b>	113,943
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	453 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	MULLER ASEN	<b>AdValue</b>	RM 1,690
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 5,070



# S'wak sumbang RM20 juta pasaran eksport perabot Perlu lebih kreatif, inovatif

MULLER ASEN

KUCHING, Khamis — Sarawak hanya mampu menyumbang kira-kira RM20 juta atau 0.3 peratus daripada RM5.6 bilion nilai pasaran eksport perabot negara sehingga September lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Dato' Jacob Dungau Sagan berkata berdasarkan prestasi atau sumbangan yang agak kecil itu, pemain industri perabot Sarawak perlu lebih kreatif dan inovatif untuk terus kompetitif dalam pasaran tempatan atau dunia.

Menurutnya, usahawan atau pemain dalam industri perabot tempatan juga harus mempelba-gaikan inovasi dan produktiviti khususnya dalam penggunaan bahan mentah, reka bentuk dan pengurusan industri melalui latihan selain penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Memandangkan Sarawak merupakan negeri yang kaya

dengan hasil semulajadi dan Sasaran semi-nilai-nilai kebudayaan etnik, nar yang dihadiri penggunaan bahan mentah baru kira-kira 100 seperti kayu nibong, batang peserta itu adalah kelapa dan batang kelapa sawit u n t u k serta ukiran motif tradisional meningkatkan hendaklah sentiasa diper-

p e l u a n g

elemen-elemen ini perlu pemasaran pro-diserapkan bagi meningkatkan duk perabot di nilai tambah produk selain p e r i n g k a t penghasilan bagi produk domestik dan pasaran 'niche' yang mampu antarabangsa; menjanjikan pulangan lumayan dan pasaran stabil kepada usa-hawan industri perabot di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan penutupan Seminar Pembangunan Usahawan Industri Perabot Sarawak di salah sebuah hotel terkemuka di sini hari ini.

Seminar dua hari itu merupakan inisiatif strategik MITI dengan Perbadanan Perusahaan Industri Kayu Sarawak (PUSA-KA), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

kemahiran dan pengalaman dan meningkatkan nilai kompetitif produk melalui pembangunan reka bentuk dan kualiti produk; dan pengukuhan kapasiti pengeluaran produk melalui teknik serta teknologi pembuatan perabot yang efisyen.

Terdahulu ketika berucap, Ahli Parlimen Baram itu memberitahu potensi industri perabot dapat dilihat melalui pencapaian eksport bagi tahun 2010 dengan menduduki tempat kelapan sebagai pengeksport perabot dunia dengan nilai pasaran RM8 bilion.

Katanya, jumlah eksport negara akan terus meningkat memandangkan pemintaan yang tinggi dari pasaran dunia

<b>Headline</b>	Perlu lebih kreatif, inovatif		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Sarawak		
<b>Date</b>	25 Nov 2011	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	EKONOMI	<b>Circulation</b>	37,981
<b>Page No</b>	e1	<b>Readership</b>	113,943
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	453 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	MULLER ASEN	<b>AdValue</b>	RM 1,690
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 5,070

yang secara langsung menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara.

"Produk perabot kita telah diesport ke negara-negara Eropah, Amerika Syarikat, Afrika dan negara Timur Tengah.

"Malah kita akan berusaha untuk meneroka pasaran baru selain mempromosi produk secara agresif di pasaran antarabangsa, terutama negara yang tidak mementing harga dan penggunaanya bersedia membayar untuk produk bernilai tinggi," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar PUSAKA, Datu Haji Sarudu Haji Hoklai berkata, Sarawak yang masih

mempunyai sumber kayu yang banyak berpotensi tinggi untuk memajukan industri perabot untuk pasaran tempatan dan eksport.

"Ia khususnya dalam pengeluaran perabot berasaskan kayu dari ladang hutan acacia yang berpotensi untuk diterokai," katanya.

Hadir sama, Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr Abdul Latif Mohmod, Timbalan Pengurus Besar PUSAKA, Haji Hashim Bojet, Pengurus Persatuan Vendor Perabot PUSAKA, Bahaman Mohd Sulaiman serta tetamu jemputan lain.



**CENDERAHATI...** Dato Jacob Sagau menerima cenderahati daripada Datu Sarudu Hoklai pada Majlis Perasmian Penutup Seminar Pembangunan Usahawan Industri Perabot Sarawak yang berlangsung di Hotel Hilton Kuching semalam. • MUHAMMAD RAIS SANUSI